



“Itu sebabnya universiti kita perlu sentiasa kekal terbuka kepada bakat-bakat terbaik dari merata dunia, membawa mereka ke Singapura. Tapi pada masa yang sama, kita juga mesti mempunyai teras ahli akademik Singapura yang kuat di dalam universiti-universiti kita, itu sebabnya kita mulakan skim START.”

– Menteri Pendidikan, Encik Lawrence Wong.

Universiti mesti terbuka terima bakat terbaik seluruh dunia

► **NUR FATHIN AWALLUDIN**
nfathin@sph.com.sg

UNIVERSITI di sini mesti sentiasa terbuka menerima bakat terbaik dari seluruh dunia dan pada masa yang sama mempunyai ahli akademik Singapura yang baik lagi kuat.

Demikian ditekankan Menteri Pendidikan, Encik Lawrence Wong dalam ucapannya semasa majlis penyampaian anugerah Skim Bakat Pengajaran dan Penyelidikan Akademik Singapura (START) baru-baru ini.

Dalam ucapannya itu, Encik Wong menyentuh tentang perkara utama dalam mempunyai universiti yang berkualiti iaitu ahli bijak pandai dan para saintis berbakat yang komited mencapai kecemerlangan pendidikan dan membuat peneuman.

“Itu sebabnya universiti kita perlu sentiasa kekal terbuka kepada bakat-bakat terbaik dari merata dunia, membawa mereka ke Singapura.

“Tapi pada masa yang sama, kita juga mesti mempunyai teras ahli akademik Singapura yang kuat di dalam universiti-universiti kita, itu sebabnya kita mulakan skim START,” kata beliau.

Pada 21 September lalu, 17 warga Singapura telah diberi biasiswa semasa majlis penyampaian anugerah START ke-6, yang diadakan secara maya.

Semasa acara tersebut, penerima anugerah itu telah menyertai Encik Wong dan pemimpin universiti dalam satu dialog untuk membincangkan

beberapa isu termasuk kepentingan pendidikan dan kajian silang disiplin.

Encik Wong berkata sebagai bakal pemimpin universiti-universiti berautonomi di sini, para penerima START akan memainkan peranan penting dalam membentuk dan mempengaruhi bagaimana generasi warga Singapura akan datang menangani cabaran hari ini dan esok lusa.

Beliau turut memberi contoh beberapa pengkaji dan saintis di universiti setempat yang memainkan peranan penting semasa pandemik Covid-19 ini.

Misalnya, Profesor Shirley Ho daripada Universiti Teknologi Nanyang (NTU) kini sedang mengkaji bagaimana media dan andaian norma sosial mempengaruhi tabiat membeli warga Singapura.

Hasil kajian tersebut boleh memberi pandangan mengenai proses perancangan pembekalan barang dan perkhidmatan di masa depan, kata Encik Wong.

START menyokong anak muda Singapura yang berminat mempunyai kerjaya akademik di universiti berautonomi di sini dengan menyediakan biasiswa dan anugerah hasil kerjasama dengan NTU, Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Universiti Nasional Singapura (NUS) dan Universiti Teknologi dan Rekaan Singapura (SUTD).

Ini sekali gus membantu universiti-universiti tersebut mengukuhkan lagi kumpulan bakat akademik mereka dalam penyelidikan dan pengajaran.